

UUM, Mara meterai MoU

UUM
4/6/05
7:4

Aktiviti 3

UNIVERSITI Utara Malaysia (UUM) dengan usaha sama Majlis Amanah Rakyat (Mara), baru-baru ini telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bagi memperkenalkan program Ijazah Sarjana Sains Tekno-Keusahawanan-MSC (Technopreneurship).

Program tersebut bertujuan menyahut cabaran dan seruan kerajaan untuk melahirkan para teknusahawan tempatan menerusi pelancaran Technopreneur Development Flagship (TDF).

Pengarah Institut Pembangunan Keusahawanan (IPK) UUM, Sa'ari Ahmad berkata, inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan itu menunjukkan peri pentingnya kewujudan golongan teknusahawan tempatan yang mampu menerajui perniagaan teknologi maklumat (IT) bertaraf dunia.

"Program tersebut ditawarkan khusus kepada pelajar bumiputera selaras dengan hasrat kerajaan untuk meningkat dan memperkukuhkan daya saing negara di era k-Ekonomi, liberalisasi dan globalisasi serta teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Ini seiring dengan keperluan negara yang memerlukan usahawan-usahawan berwibawa yang menguasai ilmu dan kemahiran teknologi semasa dan berbudaya keusahawanan inovatif," katanya.

Tambah beliau, matlamat utama penawaran program itu adalah untuk menjana para teknusahawan tempatan yang mampu menguasai ilmu dan menjana kekayaan melalui keupayaan IT.

MoU tersebut yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah Mara, Datuk Zamani Md. Noor dan disaksikan Setiausaha Majlis Mara, Fuziah Ahmad manakala UUM diwakili oleh Pemangku Naib Canselor, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Chik.